


Lengkapkan rajah di bawah.

PENGERTIAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH



Doa Mohon Petunjuk Yang Haq

Dari sahabat Umar bin Al-Khaththab radhiallaahu 'anhu:

اللَّهُمَّ ارِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ
وَارِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ

Allahumma arinal haqqo, haqqo,
warzuqnattiba'ah, wa arinal batila, batila,
warzuqnajtinabah.

Artinya:

"Ya Allah, tunjukkanlah yang haq itu sebagai haq, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memerjuangkannya). Dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya (menghapuskannya)."

[Doa ini matsu dari sahabat Umar bin Al-Khaththab radhiallaahu 'anhu, disebutkan oleh al-Buhutiy dalam Kitabnya Syarah Muntaha al-furoodaa, lalu menyandarkannya kepada Umar bin Al-Khaththab radhiallaahu 'anhu. Disebutkan juga oleh Ibnu Katsir (1/444) ketika menafsirkan Surat Al-Baqarah ayat 213.]

Aliran Yang Bertentangan Dengan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

SEJARAH SYIAH

SEJARAH KHAWARIJ

SEJARAH MUKTAZILAH

MODUL PENDIDIKAN ISLAM

PRINSIP AKIDAH

Tentukan prinsip akidah yang bertepatan dengan kumpulan berikut sama ada **AHLI SUNNAH WAL JAMAAH, SYIAH, KHAWARIJ** atau **MUKTAZILAH**

Bil	Prinsip	Kumpulan
1	Meyakini bahawa syurga dan neraka telah wujud, sebelum dijadikan makhluk dan ianya kekal selama-lamanya.	
2	Mereka menyatakan bahawa Saidina Ali RA telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim.	
3	Meyakini bahawa Imamah merupakan rukun agama dan telah ditentukan oleh Allah melalui lisan RasulNya secara Nas.	
4	Meyakini kewujudan perkara-perkara ghaib seperti yang diwahyukan dalam al-Quran dan as-Sunnah antaranya termasuklah persoalan kubur, Hari Akhirat, titian Sirat, Mizan, Malaikat dan Jin	
5	Menafikan sifat ma'ani pada zat Allah SWT.	
6	Mengamalkan at-taqiyyah iaitu menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya dengan menampakkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya.	
7	Meyakini bahawa Allah SWT wajib memberikan balasan baik kepada orang yang taat dan ancaman azab kepada orang yang melakukan maksiat.	
8	Perutusan para Nabi dan Rasul adalah harus bagi Allah SWT dan merupakan rahmat Allah kepada manusia.	
9	Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.	
10	Menambah nama Saidina Ali RA dalam syahadah selepas nama Nabi Muhammad SAW.	
11	Meyakini bahawa pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka.	
12	Segala perbuatan manusia dicipta oleh Allah, namun manusia diberi pilihan atau kehendak untuk melakukannya ataupun tidak serta dihitung baginya dosa dan pahala.	
13	Meyakini bahawa menyeru kebaikan dan mencegah keburukan adalah wajib ditegakkan dalam keadaan apa sekalipun.	
14	Meyakini bahawa Imam-Imam adalah maksum, iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan dosa besar.	
15	Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan perbuatan sebagai bukti kesempurnaan iman.	
16	Syafaat Rasulullah SAW adalah dengan izin tuhanNya, termasuklah syafaat baginda untuk pelaku dosa besar kerana masih dikira beriman.	
17	Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.	
18	Meyakini manusia bertanggungjawab sepenuhnya atas perbuatan mereka sama ada baik atau buruk tanpa ditentukan oleh Allah.	
19	Menyanjung Saidina Ali RA secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW.	
20	Jawatan khalifah @ imam hendaklah diserahkan pilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak.	